

Pemuda UMNO Kedah Dan Dua NGO Buat Laporan Polis Bersih 3.0
Bernama
09 Mei, 2012

KUALA NERANG, 9 Mei(Bernama) -- Pemuda Umno Kedah dan dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada Rabu membuat laporan polis bagi menyokong tindakan polis mengawal perhimpunan Bersih 3.0, di Dataran Merdeka, ibu negara 28 April lepas.

Laporan dibuat oleh Pemuda Umno Kedah, Pertubuhan Peribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) dan Majlis Belia Negeri Kedah daerah Padang Terap di Ibu Pejabat Polis Daerah Padang Terap di sini kira-kira pukul 11.40 pagi tadi.

Ketua Pemuda Umno Kedah Badrol Hisham Hashim berkata Umno Kedah menggesa polis segera mengambil tindakan undang-undang terhadap penganjur Bersih 3.0 Datuk S.Ambiga dan sekutunya yang mencetuskan kekecohan di ibu negara baru-baru ini.

Katanya mereka amat kecewa dengan tindakan pihak pembangkang yang memperlekeh dan cuba mencalarakan imej polis demi kepentingan politik murahan parti pembangkang yang cuba mendapatkan sokongan rakyat.

"Mereka ini tak sepatutnya diberi tempat dalam negara ini kerana mereka cuba meruntuhkan nikmat keamanan dan kesejahteraan yang diperjuangkan oleh pihak terdahulu," katanya kepada pemberita di sini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664795>